



INSURANS MOTOSIKAL PRO



www.pacificinsurance.com.my



customerservice@pacificinsurance.com.my

The Pacific Insurance Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Tentang Produk ini

Motosikal Pro ialah insurans Komprehensif Motosikal yang direka khas untuk menyediakan perlindungan yang boleh dipercayai kepada pemilik motosikal terhadap kemalangan, kebakaran, kecurian dan liabiliti terhadap pihak ketiga bagi kecederaan tubuh badan, kematian atau kerosakan terhadap harta pihak ketiga, serta menawarkan manfaat tambahan seperti bantuan penundaan tanpa had, kemalangan diri motosikal, pengecualian untuk ekses wajib, perlindungan untuk semua penunggang yang dibenarkan dan perlindungan konvulsi semula jadi.

Dengan Motosikal Pro, penunggang boleh menikmati ketenangan fikiran dan keyakinan yang lebih tinggi di jalan raya, kerana mereka dilindungi dengan lebih menyeluruh daripada kejadian yang tidak dijangka.

Manfaat

Manfaat asas:

- Liabiliti terhadap pihak ketiga akibat kecederaan atau kematian
- Kerosakan harta benda pihak ketiga
- Kerosakan pada motosikal anda akibat kemalangan atau kebakaran
- Kecurian motosikal anda

Manfaat tambahan:



Konvulsi Semula Jadi



Semua Penunggang yang Dibenarkan



Penundaan Tanpa Had



Pengecualian untuk
Ekses Wajib



Kemalangan Diri Motosikal
(bagi Pemegang Polisi atau Penunngang yang
dibenarkan dengan had sehingga RM5,000)



Nilai Dipersetujui
(bagi kenderaan berusia
sehingga 3 tahun)

Premium

Premium yang dibayar adalah berdasarkan pelbagai faktor penilaian, seperti Jumlah Diinsuranskan, Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD), Buatan dan Model Kenderaan, Kapasiti Padu Kenderaan, Umur Pemegang Polisi, dan lain-lain.

Sebagai ilustrasi, Ahmad, seorang lelaki bujang berumur 30 tahun dengan Yamaha Ego (125cc) yang berusia 2 tahun, dan beralamat di Kuala Lumpur. Nilai pasaran semasa kenderaan beliau ialah RM5,000, dan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) beliau adalah 0%.

Dengan ini, beliau membayar premium tahunan sebanyak RM214.78 (termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) bagi polisi Motosikal Pro.

Kelayakan

Insurans Motosikal Pro terpakai kepada:

- (i) motosikal dengan kapasiti padu (cc) sehingga 250cc; dan
- (ii) motosikal milikan individu atau milikan syarikat.

Manfaat Pilihan yang Anda boleh Beli dengan Premium Tambahan:

1. Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam (Endorsmen 25)

Melindungi kerugian atau kerosakan terhadap motosikal disebabkan oleh mogok, rusuhan dan kekecohan awam, termasuk tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengawal atau meminimumkan kejadian tersebut. Perlindungan ini tidak terpakai kepada peperangan, pencerobohan, pemberontakan, kebangkitan awam, tindakan keganasan, atau sebarang kerugian yang secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan kejadian-kejadian yang dikecualikan tersebut.

2. Liabiliti dari Segi Undang-undang terhadap Pembonceng (Endorsmen 108)

Melindungi liabiliti dari segi undang-undang yang timbul akibat kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pembonceng yang dibawa menaiki motosikal, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

Sekiranya bilangan pembonceng melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang pada masa kejadian, bayaran tuntutan akan dikurangkan secara berkadar berdasarkan bilangan maksimum pembonceng yang dibenarkan oleh undang-undang.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh Manfaat Pilihan Motosikal yang boleh dibeli.

Pengecualian Penting

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu yang berpunca daripada atau melibatkan:

- ✗ Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada pembonceng motosikal anda**;
- ✗ Penggunaan komersial motosikal anda;
- ✗ Penunggang yang tidak berlesen menunggang motosikal anda;
- ✗ Menunggang di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang memabukkan;
- ✗ Tuntutan palsu dan berlebihan;
- ✗ Menggunakan motosikal anda untuk tujuan yang menyalahi undang-undang;
- ✗ Menggunakan motosikal anda untuk sebarang pertandingan (selain acara mencari harta karun), perlumbaan, rali, perentak perlumbaan, ujian keandalan, ujian kelajuan atau di mana-mana litar;
- ✗ Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, kegagalan atau kerosakan fungsi mekanikal/elektronik;
- ✗ Gagal mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap kerosakan tambahan selepas kemalangan;
- ✗ Risiko peperangan dan risiko yang berkaitan

***Ini dapat diinsuranskan dengan menambah manfaat pilihan dengan pembayaran premium tambahan.*

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Terma dan Syarat Penting

1. Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kemalangan yang berlaku sebelumnya dan pengubahsuaian pada enjin atau casis.
2. Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
3. Insurans ini hanya akan berkuat kuasa setelah anda membayar premium (pembayaran sebelum perlindungan).
4. Anda mesti memastikan bahawa motosikal anda diinsuranskan/dilindungi pada jumlah yang sewajarnya kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang anda layak tuntutan.
5. Anda atau penunggang dibenarkan mesti menghubungi Pacific Motor Roadside Assist di 1800 88 4488 untuk mengatur bantuan menunda.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bagaimana saya membuat tuntutan?

Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin selepas sebarang kejadian yang mungkin tertakluk kepada tuntutan di bawah polisi ini, dengan:

- (i) hubungi kami di 03-2633 8999;
- (ii) e-mel kami di customerservice@pacificinsurance.com.my; atau
- (iii) memaklumkan kepada kami melalui [Portal Tuntutan Insurans](#).

Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang. Setelah membuat laporan polis, motosikal anda boleh dihantar ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan. Bengkel pembaikan yang diluluskan merujuk kepada bengkel membaiki motor yang diluluskan oleh kami, mana-mana bengkel pembaikan yang kami telah memberikan kebenaran khas kepada anda untuk menggunakannya, atau bengkel pembaikan francais, bagi tujuan tuntutan.

Brosur ini adalah untuk maklumat sahaja dan bukan kontrak insurans. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini sebelum anda mendaftar. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kesamaran atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat antara versi terjemahan, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

The Pacific Insurance Berhad

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629

Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Laman Sesawang: www.pacificinsurance.com.my